

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MAC 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

KDNK diunjur berkembang 4.1 peratus tahun ini

KDNK diunjur berkembang 4.1 peratus tahun ini

Kuala Lumpur: Malaysia berkemungkinan besar mencatat pertumbuhan ekonomi lebih sederhana pada tahun ini dengan keadaan dalam negara kasar (KDNK) diunjur berkembang 4.1 peratus daripada 8.7 peratus pada 2022, kata Moody's Analytics.

Ahli Ekonominya Denise Cheok berkata prospek juga bagaimanapun masih belum jelas dan sasaran perolehan hasil cukai mungkin terjejas jika pertumbuhan KDNK lebih rendah.

"Risiko utamanya adalah ekonomi global dan boleh menjasakan permintaan eksport Malaysia. Selain itu, trajektori ekonomi China juga tidak menentu dan ia merupakan rakan eksport kedua terbesar Malaysia serta destinasi utama bagi komoditi dan elektronik.

"Potensi pemuliharaan permintaan pengguna di China agak cerah, namun peralihan daripada dasar sifar Covid-19 agak tidak menentu berikutnya isi rumahnya terpaksa mengharungi peningkatan jangkitan Covid-19 itu," katanya.

Cheok berkata, cabaran lain adalah unjuran pengurangan hasil syarikat minyak dan gas negara, Petronas tahun ini berikutan penyusutan harga minyak.

Moody's Analytics menganggarkan minyak mentah Brent menyederhana kepada kira-kira US\$90 setengah tahun ini berbanding US\$114 setengah pada pertengahan 2022.

Pada Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membentangkan semakan semula Belanjawan 2023 yang memperuntukkan RM388.1 bilion - RM289.1 bilion bagi perbelanjaan mengasingkan dan RM99 bilion untuk pembangunan.

"Biarupun membatikan perbelanjaan lebih besar, Malaysia menyasarkan untuk mengurangkan deficit bujet kepada lima peratus KDNK daripada 5.5 peratus dalam Belanjawan 2023 sebelum ini," kata Cheok.

Beliau juga menyifatkan Belanjawan 2023 sebagai pembentangan rancangan besar untuk mengurangkan deficit fiskal sambil mengekalkan subsidi serta menurunkan cukai untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.